

NOTIS KEPADA PELANGGAN: PELAKSANAAN E-INVOIS BERMULA 1 JULAI 2025

Pelanggan Yang Dihargai,

Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan pengumuman oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), MBSB Bank akan melaksanakan **e-Invois** bermula **1 Julai 2025**.

e-Invois ini merupakan dokumen tambahan kepada penyata bank sedia ada anda dan akan memaparkan transaksi anda dengan MBSB Bank seperti yuran dan caj yang dikenakan, mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh LHDNM. e-Invois akan dikeluarkan mengikut kekerapan kitaran penyata semasa anda, contohnya secara bulanan, suku tahunan dan sebagainya.

Penyertaan e-Invois adalah secara pilihan (opt-in). Sekiranya anda ingin menerima e-Invois daripada MBSB Bank, sila kunjungi cawangan kami yang terdekat untuk mengemas kini maklumat anda dan memberikan kebenaran.

Kami amat menghargai kerjasama anda dan ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kerana terus memilih MBSB Bank sebagai rakan perbankan pilihan anda.

Yang ikhlas,
MBSB Bank Berhad

